

23 Apakah maklumat yang boleh diperoleh dengan membuat analisis Akaun Kawalan Belum Bayar?

- A. Belian tunai
- B. Belian kredit
- C. Jualan tunai
- D. Jualan kredit

24 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Rahmat.

	1 Januari 2017	31 Disember
	RM	2017
		RM
Aset	25 800	37 500
Liabiliti	10 750	16 500
Maklumat tambahan: Ambilan sepanjang tahun sebanyak RM1 000		

Berapakah untung atau rugi perniagaan pada 31 Disember 2017?

- A. RM36 050
- B. RM35 050
- C. RM6 950
- D. RM4 950

25 Perniagaan Selvi tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Beliau telah membuat analisis terhadap kenderaan perniagaannya dan maklumat berikut diperoleh:

	RM
Nilai kenderaan pada awal tahun	45 800
Tolak : Jualan kenderaan	10 000
	35 800

Tolak : Nilai kenderaan pada akhir tahun	20 000
X	15 800

Apakah X?

- A. Untung atas jualan kenderaan
- B. Rugi atas jualan kenderaan
- C. Nilai buku kenderaan
- D. Susut nilai kenderaan

- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Puan Anita yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

	RM
Sewa belum terima 1 Januari 2017	200
Sewa belum terperoleh 1 January 2017	120
Sewa diterima	5 300

Berapakah sewa diterima pada 31 Disember 2017?

- A. RM 4 980
 - B. RM5 220
 - C. RM5 380
 - D. RM5 620
- 27 Antara berikut yang manakah bukan aspek kawalan dalam pengendalian tunai?
- A Pengasingan tugas
 - B Pendokumentasian
 - C Kawalan kecurian

D Kawalan fizikal

28 Apakah butiran yang direkod dalam Buku Tunai yang dikemaskini?

- I Deposit yang belum dikredikan
- II Cek yang belum dikemukakan
- III Pindahan kredit
- IV Caj bank
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Syarikat XYZ.

	RM
Baki debit Buku Tunai	1 560
Cek tak layan	155
Dividen	330
Cek yang belum dikemukakan	155

Berapakah baki akhir Buku Tunai setelah dikemaskini?

- A. Baki debit RM 1 735
 - B. Baki debit RM1 385
 - C. Baki kredit RM1 735
 - D. Baki kredit RM1 385
- 30 Antara berikut, butir manakah tidak perlu diambil kira dalam penyediaan Belanjawan Tunai?
- A Bayaran ansuran bulanan kenderaan

- B Bayaran kepada Akaun Belum Bayar
- C Belanja susut nilai kenderaan
- D Pinjaman bank

31 Apakah catatan yang betul untuk merekod perabot yang diambil alih oleh pekongsi Azim?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A.	Realisasi	Modal Azim
B.	Modal Azim	Realisasi
C.	Realisasi	Perabot
D.	Perabot	Realisasi

32 Antara berikut yang manakah merupakan peruntukan yang terkandung dalam Akta Perkongsian 1961?

- I Faedah 6% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
 - II Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
 - III Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pekongsi
 - IV Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal pekongsi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

33 Aiza dan Marisa ialah pekongsi dalam Perkongsiam Aima. Mereka telah berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2 : 1.
Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Aima.

	RM
--	----

Untung bersih	40 000
Faedah atas modal : Aiza	2 000
Faedah atas modal : Marisa	1 000
Faedah atas ambilan : Aiza	500
Gaji Marisa	1 488

Hitungkan kongsi untung atau rugi bagi Aiza.

- A. RM12004
 - B. RM24 008
 - C. RM36 012
 - D. RM41 012
- 34 Antara berikut yang manakah benar mengenai pemegang Syer Keutamaan?
- A Kadar dividen tidak tetap
 - B Tidak mendapat tunggakan dividen
 - C Tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agong tahunan
 - D Bayaran balik modal diterima selepas tuntutan pemegang syer biasa
- 35 Modal dibenarkan Syarikat Bersatu Berhad terdiri daripada 150 000 unit syer biasa dengan harga RM0.50 sesyer. Syarikat mengesahkan 70% daripada syernya telah dilanggan dan dibayar penuh.
Kirakan modal diterbitkan dan berbayar penuh.
- A RM150 000
 - B RM75 000
 - C RM52 500
 - D RM22 500
- 36 Antara berikut catatan lejar manakah yang tepat untuk merekod lebihan langganan sebanyak RM18 000?

A.	Akaun Bank	
	Modal syer biasa	18 000
B.	Akaun Modal Syer Biasa	
	Bank	18 000
C.	Akaun Bank	
	Modal syer biasa	18 000
D.	Akaun Permohonan Syer Biasa	
	Bank	18 000
	Akaun Bank	
	Permohonan syer biasa	18 000
	Akaun Bank	
	Permohonan syer biasa	18 000
	Akaun Modal Syer Biasa	
	Bank	18 000

37 Antara berikut yang manakah merupakan perbelanjaan modal bagi sesebuah kelab dan persatuan?

- I Belian perabot
- II Elaun kehormat
- III Susut nilai perabot

IV Belanja mengubahsuai premis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 38 Berikut adalah kedudukan aset dan liabiliti Kelab Pencegah Jenayah pada 1 Julai 2017.

	RM
Yuran belum terima	280
Yuran belum terperoleh	170
Kadar bayaran prabayar	230
Perabot	5 000
Bank	8 300

Hitungkan Dana Terkumpul pada 1 Julai 2017.

- A. RM13 180
 - B. RM13 420
 - C. RM13 640
 - D. RM13 980
- 39 Antara berikut yang manakah bukan merupakan kos overhead?
- A Susut nilai mesin
 - B Belanja alat-alat kecil
 - C Gaji pengurus kilang
 - D Gaji operator pengeluaran
- 40 Kedai Kek Lapis Amna telah mengeluarkan kek lapis dengan harga RM15.00 seunit. Berikut adalah kos pengeluaran seunit kek lapis:

	RM
Tepung , gula dan pewarna	7.00
Upah pekerja	5.00

Sewa kilang	1 500
Susut nilai peralatan	300

Puan Amna telah mensasarkan keuntungan sebanyak RM6 000.
Berapakah unit kek lapis yang perlu dijual?

- A. RM 520
- B. RM 650
- C. RM2 000
- D. RM2 600

KERTAS SOALAN TAMAT